

15/12/2001

Rakyat perlu prihatin derita umat Islam

KUALA LUMPUR, Jumaat - Dalam kegembiraan menyambut Syawal, umat Islam diingatkan sentiasa mengingati dan bersimpati dengan penderitaan umat Islam di seluruh dunia, khususnya Afghanistan dan Palestin yang kini dilanda peperangan.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata Amerika Syarikat dan Israel tidak memperdulikan Ramadan dan Syawal sebagai bulan kemuliaan dan kegembiraan umat Islam dengan terus membedil dan membunuh umat Islam tanpa belas kasihan.

Beliau berkata, lebih mengecewakan lagi apabila Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang ditubuhkan untuk menjaga kepentingan umat Islam, tidak mampu melakukan sesuatu yang bermaruah untuk menghentikan peperangan.

"Melihatkan tidak bermayanya dunia Islam untuk menangani krisis kemanusiaan ini, Abim menyeru umat Islam di Malaysia memikul tanggungjawab mengangkat martabat ummah yang semakin ternoda.

"Malaysia sebagai negara yang sentiasa prihatin terhadap kemelut kemanusiaan di merata dunia sebagaimana terbukti melalui sumbangannya di Bosnia, Kampuchea dan Somalia meletakkan negara ini sebagai negara Islam yang semakin disegani dan dihormati.

"Keputusan kerajaan Malaysia untuk menganjurkan Persidangan Negara-Negara Islam mengenai kepenggunaan pada tahun depan adalah langkah awal yang bermakna ke arah tindakan yang lebih berkesan untuk menyatukan ummah menghadapi tindakan Amerika dan Israel terhadap umat Islam," katanya dalam perutusan Aidilfitri yang dihantar melalui faksimili di sini, hari ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, dalam perutusan hari rayanya pula berkata, kejayaan Malaysia mencipta pendekatannya tersendiri dalam menangani masalah kini dicontohi negara lain.

"Ini membuktikan kemampuan kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mentadbir negara.

"Pendekatan itu juga memperkukuhkan ekonomi negara ketika ekonomi dunia menjadi lembab ekoran serangan terhadap Amerika pada 11 September lalu," katanya.

Samy Vellu berkata, rakyat bertuah kerana hidup di sebuah negara yang aman, stabil dan maju.

Sementara itu, Presiden Parti Keadilan Nasional, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dalam perutusan hari rayanya mengajak rakyat mengambil iktibar daripada Ramadan untuk terus mengingatkan diri masing-masing mengenai pentingnya berusaha membantu golongan lemah, daif atau yang memerlukan bantuan.

(END)